



10 AUG, 2023

Rokok diikrar perabot terpakai

Harian Metro, Malaysia



Rokok **diikrar** perabot terpakai

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Kastam patah cubaan seludup rokok rentas sempadan ke Australia guna kontena

Dengkil

Negara ini seolah-olah dijadikan transit oleh sindiket penyeludupan rokok putih apabila ia turut dikesan cuba diseludup ke Australia menggunakan kontena.

Terbaru sindiket dikesan cuba menyeludup barang rokok jenama Double Happiness yang diisytiharkan sebagai perabot melalui Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, Selangor.

Taktik itu bagaimanapun berjaya dipatahkan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM) melalui Unit Siasatan Frod Perdagangan (USFP) pada 1 Ogos lalu.

Pengarah Operasi Penguatkuasaan Zon Tengah JKDM, Wong Pun Sian berkata, melalui serbuan pertama berkenaan JKDM berjaya mematahkan cubaan menyeludup rokok rentas sempadan dipercayai untuk dieksport ke Australia menggunakan kapal laut di Pelabuhan Klang.

Katanya, hasil pemeriksaan ke atas kontena itu menemui lebih sejuta rokok seludup yang diikrar sebagai perabot terpakai yang disorok dalam ruang perabot dibuat khas menyerupai meja.

"JKDM juga berjaya menahan seorang ejen lelaki berusia 30-an bagi membantu



WONG (dua dari kanan) menunjukkan rokok yang dirampas.



JKDM juga berjaya menahan seorang ejen lelaki berusia 30-an bagi membantu siasatan"

Wong Pun Sian

tu siasatan," katanya pada sidang media Kejayaan JKDM di Pejabat Bahagian Penguatkuasaan JKDM sini, semalam.

Wong berkata, bagi kes kedua pula, JKDM berjaya mematahkan aktiviti penyeludupan rokok putih jenama JDB John, Zon King, Canyon dan UR serta rokok keretek berjumlah lebih tiga juta batang di sebuah pusat kormesial di Kepong, Kuala Lumpur.

Menurutnya, dalam operasi ini JKDM turut merampas van berisi rokok bernilai RM48,000 yang digunakan untuk mengedarkan rokok berkenaan.

"Semua rokok yang tidak dibayar duti dan cukai kastam itu dianggarkan bernilai RM3.2 juta.

"Kes disiasat mengikut Akta Kastam 1967 dibawah Seksyen 133(1)(a) Akta Kastam 1967, Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1968 dan Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967," katanya.



10 AUG, 2023

Rokok diikrar perabot terpakai

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Kastam patah cubaan seludup rokok rentas sempadan ke Australia guna kontena

D engkil Negara ini seolah-olah dijadikan transit oleh sindiket penyeludupan rokok putih apabila ia turut dikesan cuba diseludup ke Australia menggunakan kontena.Terbaru sindiket dikesan cuba menyeludup barang rokok jenama Double Happiness yang diisytiharkan sebagai perabot melalui Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, Selangor.Taktik itu bagaimanapun berjaya dipatahkan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM) melalui Unit Siasatan Frod Perdagangan (USFP) pada 1 Ogos lalu.